

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR .S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]
TARIKH : 07 APRIL 2015
SOALAN :

YB Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian masih mengamalkan klinik bergerak di kawasan pedalaman Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih perlu menyediakan klinik bergerak untuk kawasan pedalaman, di mana bilangan penduduk yang kecil dan tinggal bertaburan dalam kawasan yang luas dengan kemudahan pengangkutan yang sukar, menyebabkan pembinaan fasiliti kesihatan statik tidak kos efektif. Menyedari kesukaran rakyat mencapai perkhidmatan penjagaan kesihatan primer yang perlu untuk meningkatkan kualiti kehidupan, KKM telah menubuhkan 239 buah pasukan klinik bergerak di seluruh negara mengguna kenderaan darat, air dan udara.

Sabah mempunyai 25 buah pasukan klinik bergerak yang memberi perkhidmatan kepada lebih 90 ribu penduduk (94,733). Ini termasuk 2

pasukan perkhidmatan doktor udara yang meliputi hampir 15 ribu penduduk (14,905 penduduk) dengan 30 ribu kedatangan setahun (30,266).

Satu usaha Kerajaan untuk menambahbaik perkhidmatan klinik bergerak ini ialah dengan penyediaan Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M) dengan perkhidmatan yang lebih luas, termasuk perkhidmatan doktor, semenjak tahun 2010. Bermula pada tahun 2013, Sabah telah dibekalkan dengan dua bot KB1M, iaitu di Kinabatangan dan Semporna, yang meliputi hampir 7 ribu penduduk (6,926) dan 12 ribu penduduk (12,306) setiap satu.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan berusaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kesihatan untuk rakyat tidak mengira kawasan bandar, luar bandar atau pedalaman dengan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan primer melalui fasiliti kesihatan statik atau klinik bergerak, mengikut kemampuan Kerajaan.